

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 MARCH 2017

Tiga sebab jayakan TN 50

UM-9/3/2017

KUALA LUMPUR 8 Mac - Kerajaan menggariskan tiga sebab untuk menjayakan pelaksanaan program Transformasi Nasional 2050 (TN 50) sebagai landasan hala tuju negara ke arah membentuk Malaysia lebih berjaya dan disegani.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sebab pertama pelaksanaan visi itu ialah sebagai kesinambungan terhadap dasar dan wawasan terdahulu seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) diikuti Wawasan 2020 dan kini TN 50.

Beliau menjelaskan, pelaksanaan program baharu itu turut bertujuan mempersiapkan Malaysia menghadapi perubahan dunia yang serba mencabar seperti jumlah penduduk menjadi lebih besar, jangka hayat manusia lebih panjang, pengwujudan bandar raya mega kesan penghijrahan penduduk selain kemajuan sains dan teknologi yang mengurangkan keperluan tenaga kerja manusia.

"Sebab ketiga pula ialah TN 50 dilaksanakan secara *bottom up* (dari rakyat kepada kerajaan) dan tidak lagi secara *top down* (kerajaan kepada rakyat). Dalam hal ini, kerajaan akan melaksanakan melalui pelbagai medium atau wahana, pandangan, aspirasi dan suara rakyat daripada semua segmen serta kelompok turut diambil kira dalam merangka visi TN 50," katanya ketika menjawab soalan asal **Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad (BN-Mersing)** dalam sesi soal jawab, sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Dr. Abdul Latif ingin mengetahui berhubung strategi yang diambil kerajaan dalam memberi kefahaman kepada rakyat mengenai TN 50 di peringkat akar umbi serta penerimaannya setakat ini.

Menurut Perdana Menteri, proses pelaksanaan TN 50 akan melibatkan tiga peringkat iaitu penjanaan idea bermula Januari hingga April ini, ciptaan dan pelancaran selama empat bulan bermula Mei, manakala langkah persediaan jangka panjang akan bermula pada September hingga hujung tahun ini.

Beliau menjelaskan, hasrat TN 50 adalah mahu mengemukakan sebuah rekod aspirasi Malaysia yang meluas liputannya, namun digabung rapi untuk panduan masa depan negara ke arah 33 tahun akan datang yang diperoleh daripada pelbagai platform.

Kata beliau, hasil utama TN 50



...TN 50 dilaksanakan secara *bottom up* (dari rakyat kepada kerajaan) dan tidak lagi secara *top down* (kerajaan kepada rakyat)."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

pula menyasarkan untuk mewujudkan semangat positif dan optimis dalam kalangan masyarakat melalui elemen-elemen keterlibatan, promosi kreatif serta penjenamaan selain menganalisis data daripada pengumpulan maklumat bagi perangkaan dasar itu.

"Kita menyasarkan seramai mungkin penyertaan masyarakat pelbagai lapisan tanpa mengira umur, kaum, agama dan budaya seperti mengadakan dialog nasional bagi segmen belia telah pun diadakan pada 19 Januari lalu apabila saya sendiri telah turun padang mendengar aspirasi daripada golongan berkenaan.

"Setakat ini Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan sesi dialog bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan belia di Sabah, Terengganu dan Johor dan selanjutnya kerajaan akan meneruskan sesi wacana kepada segmen lain seperti wanita, akademik, agamawan, budayawan, usahawan dan lain-lain.

"Sesungguhnya pelaksanaan TN 50 merupakan kesinambungan dasar-dasar jangka panjang terdahulu bagi membolehkan kerajaan menyediakan hala tuju negara untuk tempoh 30 tahun akan datang dalam melakar sebuah negara bangsa unggul, berwibawa dan melahirkan generasi ummah terbaik," katanya.